

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]



APA KATA MEREKA

Ratusan kereta terperangkap, jalan sesak akibat banjir kilat



Amir Amirul
Kita jangan hanya salahkan pihak pembersihan. Kita kena mulakan dulu, kalau jepun satu negara bukan Islam boleh jaga kebersihan kenapa tak kita yg majoritinya Islam.



Mohd Aizuddin Bin Ibrahim
KL dah tenat sangat, kena baik pulih semua sistem perparitan.



Ground Ze Ro
Mohon pihak yang berwajib ambil langkah2 yang sewajarnya. Setiap kali hujan, bagaikan mimpi ngeri kepada pengguna pantau pembangunan sekeliling yang boleh menyebabkan berlakunya banjir kilat, pengguna jalanraya terpaksa menanggung kerugian setiap kali waktu hujan.



Daeng Porizkova Daeng Padida
Jalan duta paling teruk, adakah sebab project pembinaan MRT yang menyebabkan banjir terok di jln duta? kesian tgoK banjir tenggelami kereta2 atas jln duta tadi



Mohammad Khusyairie
Kawasan ni mmg mudah banjir, jln duta dr arah parlimen/bangsar menghala ke damansara/istana baru



Fadli Mohamad
IMBAS KEMBALI: dana rakyat telah dikeluarkan beratus juta utk pembinaan terowong SMART. tujuan pembinaan adalah utk mengatasi banjir kilat dan kutipan tol tu hanyalah sam-bilan shj. Kerajaan pernah memberi jaminan, selepas sianya SMART, tiada lg banjir kilat di kl. Tgk skrg apa jadi? Lorong SMART adalah utk meraih keuntungan semata2. Tak salah rasanya aspirasi rakyat diutamakan. Wang ringgit.. keuntungan.. ketepikan tu demi kesejahteraan rakyat.. sama2 fikirkan

Longkang dipenuhi sampah Jalan Pantai Baharu sekat aliran air.

Saliran kecil tak mampu tampung hujan lebat

➔ Sistem longkang jalan tidak cekap punca banjir kilat

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**
suhaila.shahrul@bh.com.my
Putrajaya

Sistem saluran longkang jalan yang tidak cekap sehingga aliran air tersekat menjadi antara faktor berlakunya banjir kilat yang menjejaskan ratusan kenderaan di beberapa kawasan di ibu negara kelmarin.
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata longkang dengan saiz pembetulan yang kecil tidak dapat menampung kadar air, sekali gus menyebabkannya melimpah berikutan bacaan hujan di kawasan terjejas ketika kejadian mencecah 140 milimeter (mm)

berbanding kebiasaan 70 mm. Katanya, kawasan banjir kilat itu juga berada di luar kawasan terowong SMART sekali gus arah aliran air tidak menghala ke terowong berkenaan walaupun ia sememangnya berfungsi dengan baik.

Dalamkan saluran
“Selain itu, sungai penuh bukan penyebab banjir kilat itu kerana ketika kejadian, paras air sungai di sekitar ibu negara belum mencapai paras maksimum, sebaliknya terdapat lebih kapasiti lebih satu meter.
“Sebagai penyelesaian jangka pendek, sistem saluran sedia ada di kawasan yang terbabit perlu didalamkan dan kerja penyelenggaraan dijalankan lebih kerap, manakala untuk jangka panjang, pihak berkaitan perlu menaik taraf sistem saluran sedia ada,” katanya pada sidang media, di sini semalam.
Dalam pada itu, katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di setiap negeri diberi masa seminggu untuk melengkapkan laporan mengenai sistem saluran longkang jalan di kawasan masing-masing bagi mengatasi sebarang kelemahan yang ada dan sebarang keper-



JPS menyediakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam dan Reka bentuk Terperinci mengikut Manual Saliran Mesra Alam untuk diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan”

Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar,
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

luan mendesak akan dibentangkan kepada Kabinet jika perlu.

Kurangkan risiko banjir
Katanya, JPS sentiasa berusaha mengurangkan risiko banjir, namun terdapat faktor yang tidak dapat diurus dan mengatasi kawalan manusia seperti hujan lebat setempat yang tinggi dalam tempoh singkat melebihi tahap perlindungan struktur tebatan banjir.
“JPS sudah menyediakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam dan Reka bentuk Terperinci mengikut Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).
“Selain itu, ada saluran yang sudah lama dibina dan tidak mampu menampung air larian permukaan akibat pembangunan pesat perbandaran dan sistem saluran yang tersumbat oleh sampah sarap disebabkan tidak diselenggara dengan sempurna,” katanya.
Beliau juga tidak menolak kemungkinan bahawa kepesatan pembangunan di kawasan terjejas termasuk pembinaan stesen Transit Aliran Massa (MRT) menyumbang kepada banjir kilat itu.